

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PENTAKSIRAN AKHIR
SESI II: 2022/ 2023**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

**SPP 10193
APLIKASI KOMPUTER PERNIAGAAN**

Dua (2) jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini perlu diedar mengikut Jadual Waktu Penilaian Akhir.
2. Kertas soalan ini mengandungi **SATU (1)** bahagian iaitu **Bahagian A**.
3. Jawab **SEMUA** soalan di bahagian A.
4. Mini Projek ini dilaksanakan secara individu serta menyumbang 30% daripada jumlah markah kursus berkenaan dan akan dinilai berdasarkan kepada **SENARAI SEMAK** yang dilampirkan.

Kertas soalan ini mengandungi **EMPAT (4)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan.

BAHAGIAN A*[100 markah]*

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

Anda merupakan pemilik kepada Syarikat MZ Kencana Sdn. Bhd. yang telah memulakan perniagaan minyak wangi berjenama BRANCO dan berhasrat untuk memohon pembiayaan kewangan daripada Skim Pembiayaan TEKUN Nasional.

- a) Anda dikehendaki mengubah format dokumen Ringkasan Eksekutif yang **CLO 2** disediakan di Lampiran A dengan menggunakan **Google Docs**. Namakan dokumen tersebut seperti berikut:

Ringkasan Eksekutif_No.Matrik

Dokumen perlu diubah mengikut format yang berikut:

- a. *Alignment: Justify*
- b. *Line spacing: 1.5*
- c. *Orientation: Potrait*
- d. Saiz kertas: A4
- e. *Margin: Top 1, Bottom 1, Left 1, Right 1*
- f. Tulisan: Arial, 12pt

- b) Anda dikehendaki mengubah format dokumen Senarai Keperluan Kewangan perniagaan yang disediakan di Lampiran B dengan menggunakan **Google Sheets**. Namakan dokumen tersebut seperti berikut:

Keperluan Kewangan_No.Matrik

Pengiraan **Jumlah (RM)** setiap keperluan kewangan dan **JUMLAH KESELURUHAN** haruslah menggunakan formula yang terdapat dalam aplikasi **Google Sheets**. Markah tidak diberi jika pengiraan dilakukan secara manual.

- c) Anda dikehendaki menyediakan slaid pembentangan latar belakang perniagaan menggunakan **Google Slides**. Namakan dokumen tersebut seperti berikut:

Latar Belakang_No.Matrik

Isi kandungan persembahan:

- a. Muka depan – Nama syarikat: MZ Kencana
 - b. Latar belakang rakan kongsi
 - i. Nama
 - ii. Jawatan
 - iii. Nombor telefon
- d) i. Anda dikehendaki mencipta borang maklumbalas dan pertanyaan mengenai perniagaan anda menggunakan **Google Forms** seperti di Lampiran C. Namakan dokumen tersebut seperti berikut:

Borang Maklumbalas_No.Matrik

Maklumat di *Google Forms* perlu mempunyai perkara berikut:

- a. Tajuk: Borang Maklumbalas / Pertanyaan
 - b. Nama
 - c. Nombor telefon
 - d. E-mel
 - e. Maklumbalas / Pertanyaan
- ii. Anda dikehendaki mencipta QR code bagi borang maklumbalas dan pertanyaan tersebut.

- e) Anda dikehendaki merekabentuk satu (1) kad perniagaan anda menggunakan **Canva**. Namakan dokumen tersebut seperti berikut:

Kad Perniagaan_No.Matrik

Maklumat kad perniagaan perlu mempunyai perkara berikut:

- a. Nama pemilik
 - b. Nama perniagaan
 - c. Maklumat perniagaan (Logo/lokasi/produk/perkhidmatan/waktu operasi)
 - d. Nombor untuk dihubungi
 - e. E-mel
 - f. Media sosial (*Facebook/Instagram/Tiktok*)
 - g. QR code borang maklumbalas dan pertanyaan
- f) Pelajar perlu menghantar link capaian untuk semua tugas di atas di dalam *Google Sheets* yang telah disediakan oleh pensyarah.

SOALAN TAMAT

Selamat Menjawab